

08 OCT 1997

Parlimen-Mahathir (Eksport)

JUMLAH EKSPORT KE AFRIKA SELATAN DAN ASIA TENGAH MENINGKAT

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini misi perdagangan yang diketuainya ke negara-negara di Afrika, Asia Barat, Afrika Tengah dan Asia Tengah telah berjaya meningkatkan jumlah eksport Malaysia ke negara-negara berkenaan sejak tiga tahun kebelakangan ini.

Bagi Afrika, jumlah eksport Malaysia ke negara-negara itu meningkat daripada RM1,219 juta dalam tahun 1994 kepada RM2,049 pada tahun lepas, kata beliau ketika menjawab soalan lisan Datuk Haji Mohd Zihin Hassan (BN-Larut) pada persidangan Dewan Rakyat.

Bagi Asia Barat, jumlahnya meningkat daripada RM2,323 juta dalam tahun 1994 kepada RM3,833 juta tahun lepas manakala Amerika Selatan dari RM2,187 juta pada 1994 kepada RM2,659 juta pada 1996, katanya.

Bagi Asia Tengah pula, jumlah eksport pada tahun 1994 ialah RM178 juta dan meningkat kepada RM352 juta tahun lepas, katanya.

Menurut beliau, daripada segi pelaburan, syarikat-syarikat tempatan juga berjaya melabur di negara-negara tersebut dalam sektor hartanah, perhotelan, telekomunikasi, pertanian, pengilangan dan perlombongan.

Jumlah pelaburan di Afrika Selatan ialah RM2,006 juta, Zimbabwe (RM1,250 juta), Amerika Selatan (RM627 juta), India (RM800 juta), Republik Kyrgyz (RM56 juta) dan Croatia (RM16 juta).

Dr Mahathir berkata 20 daripada 65 perjanjian persefahaman (MoU) dan perjanjian-perjanjian usahawan yang ditandatangani oleh pelabur Malaysia dengan pelabur dan kerajaan asing sejak tahun 1995 tidak dapat dilaksanakan.

Antara sebab-sebabnya ialah projek didapati tidak berdaya maju setelah kajian kemungkinan dijalankan, projek menghadapi pelbagai masalah dan masalah pembiayaan projek.

Masalah lain ialah penangguhan projek disebabkan perkembangan baru terhadap projek penswastaan di negara rakan usahasama dan kesukaran mematuhi peraturan dan dasar kerajaan rakan asing.

Dr Mahathir juga berkata bagi mengurangkan kemungkinan MoU terbengkalai, kerajaan telah memutuskan bahawa semua MoU dan perjanjian usahasama dengan syarikat asing didaftarkan dengan kerajaan.

"Bagi tujuan ini, satu jawatankuasa telah ditubuhkan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk meneliti dan menyemak setiap MoU dan perjanjian usahasama yang dicadang untuk ditandatangani di negara asing, " katanya.

Menjawab soalan tambahan Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) mengenai bagaimana krisis mata wang negara menjejaskan hubungan dagangan dengan negara asing, Dr Mahathir berkata: "Salah satu kesan yang dapat dilihat ialah apabila kita melabur di negara asing atau kita bersaing dengan negara maju untuk projek penswastaan, maka kos kita meningkat lebih 20 peratus dan menjadikan kita kurang berdaya saing.

"Ini sudah tentu akan menghalang kita bersaing dengan negara maju dan secara langsung penurunan mata wang kita menguntungkan negara maju dalam persaingan mereka dengan kita."

Menjawab soalan tambahan Yunof Meringking (PBS-Tuaran), beliau berkata Malaysia melabur di negara asing terutama di negara membangun kerana percaya usaha itu bukan sahaja akan memajukan negara berkenaan tetapi juga menguntungkan negara ini.

"Inilah pengalaman kita. Bila Jepun melabur di sini dan mendirikan

kilang-kilang, mereka menawarkan banyak peluang pekerjaan...kita kaya, negara kita maju sebab adanya pelaburan asing. Bila kita maju, kita mampu beli barangan dan pelaburan mereka jadi galakan kepada kita untuk membangunkan negara kita."

Dr Mahathir berkata apabila Malaysia menjadi negara maju, ia akan menjadi jadi pasaran yang baik kepada Jepun.

"Demikian juga bila kita melabur di Afrika Selatan dan Asia Tengah, tujuan kita ialah untuk tolong mereka untuk jadi lebih maju dan bila mereka telah maju mereka boleh beli barangan kita," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Haji Hanafi Ramli (BN-Jerlun) yang ingin mengetahui adakah negara Barat menghargai niat baik Malaysia membantu negara-negara membangun itu, Perdana Menteri berkata: "Saya telah buat perhitungan mengenai negara Barat yang hargai tindakan kita ini. Saya bilang dan bilang beberapa kali, saya dapati kosong (tiada)." -- BERNAMA

NZ MAI